

**PERADUAN FOTOGRAPI CARA HIDUP SIHAT
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN 'BLUEPRINT' PROMOSI KESIHATAN
DAN KEMPEN PROMOSI KESIHATAN 2011**

Kementerian Kesihatan sedang menyediakan rangka kerja Promosi Kesihatan yang mengandungi strategi-strategi jangka pendek dan sederhana untuk mempromosikan cara hidup sihat, mencegah dan mengawal kejadian penyakit-penyakit kronik di negara ini. Rangka kerja tersebut disediakan dalam sebuah dokumen yang mengariskan strategi dan program-program promosi kesihatan yang akan dilaksanakan dalam tempoh 2 hingga 5 tahun mulai 2011 ke 2015 nanti. Dokumen tersebut dipanggil sebagai **Health Promotion Blueprint for Brunei Darussalam** dan Majlis Pelancarannya Insyaallah akan diadakan pada 20 April 2011 nanti.

Bersempena dengan majlis pelancaran tersebut, acara-acara sampingan dari kesinambungan majlis tersebut telah dirancanakan dan salah satunya ialah Peraduan Fotografi Cara Hidup Sihat.

TUJUAN

Tujuan mengadakan peraduan ini antarlain adalah:

- Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai pentingnya mengamalkan cara hidup sihat melalui foto-foto yang akan dipamerkan.
- Mengenengahkan tempat-tempat riadah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam kepada orang ramai sebagai pilihan tempat untuk beriadah.
- Bagi menambah koleksi gambar-gambar yang berkaitan dengan cara hidup sihat untuk digunakan bagi tujuan mempromosikan kesihatan seperti poster, risalah, newsletter, website dan sebagainya.

TEMA PERADUAN

Tema yang dipilih untuk peraduan fotografi ini ialah **"Cara Hidup Sihat"**. Ianya merangkumi amalan pemakanan yang sihat dan seimbang; amalan melakukan kegiatan fizikal secara tetap setiap hari; tidak merokok atau menggunakan produk tembakau; serta mengelakkan dari keadaan stres.

PENYERTAAN

Penyertaan adalah dibukakan kepada peminat-peminat fotografi yang terdiri dari rakyat Brunei, Penduduk Tetap dan Penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam(pemegang Kad Pintar Kuning, Merah dan Hijau).

Peraduan ini dibahagikan kepada 2 kategori:

Kategori		Ukuran Foto (tidak termasuk kertas mounting)
A	Bebas / Terbuka	11 R (11" X 14")
B	Penuntut Tahun 7 hingga Tahun 12	8R (8" X 10" / 8"x12")

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN PERADUAN FOTOGRAFI CARA HIDUP SIHAT

1. Penyertaan dibukakan kepada peminat fotografi, Rakyat Brunei, Penduduk tetap dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam (pemegang Kad Pintar Kuning, Merah dan Hijau).
2. Foto-foto yang dipertandingkan hendaklah memenuhi kriteria tema peraduan iaitu '**Cara Hidup Sihat**'.
3. Pihak Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan foto yang difikirkan tidak menepati kriteria tema peraduan.
4. Gambar-gambar mestilah diambil di Negara Brunei Darussalam sahaja.
5. Peserta hanya boleh menghantar **satu** penyertaan sahaja yang mengandungi maksima **empat (4) GAMBAR WARNA** berukuran mengikut kategori yang disertai.
6. Kategori 'A' (Terbuka/Bebas) menghantar foto berukuran 11R (11" X 14") manakala bagi Kategori 'B' (Penuntut Tahun 7 hingga Tahun 12) menghantar foto berukuran 8R (8" X 10" atau 8" X 12")
7. Setiap gambar penyertaan mestilah dibingkai pada mounting kertas tebal **HITAM** dengan ukuran 'boarder' tidak melebihi 2 ½ inci lebar.
8. Nama, alamat, nombor gambar dan tajuk gambar **MESTI** ditulis di belakang kertas mounting.
9. Manupulasi digital dan pengubah-suaian kreatif dengan menggunakan computer adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
10. Setiap gambar **MESTI DISERTAKAN FAIL** imej (tidak kurang 3 megapixel) dalam **CD** atau **NEGATIF**.
11. Setiap penyertaan mestilah hasil kerja peserta (jurugambar) itu sendiri.
12. Gambar-gambar yang pernah memenangi sebarang peraduan oleh mana-mana peraduan di Negara Brunei Darussalam tidak akan diterima.
13. Setiap peserta hanya dibolehkan memenangi **SATU** hadiah (yang tertinggi/terbaik) sahaja.
14. Setiap penyertaan akan dipelihara dengan cermat, walaupun bagaimanapun, pihak penganjur tidak bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau kerosakan sebelum, semasa atau ketika pameran.
15. Semua gambar-gambar yang menyertai peraduan ini adalah menjadi **hak milik penganjur (Pusat Promosi Kesihatan)** dan pihak penganjur berhak menggunakannya bagi apa-apa jua tujuan terutamanya yang berkaitan dengan promosi kesihatan.
16. Bagi penyertaan **kategori B**, hendaklah disertakan dengan **pengesahan Pengetua Sekolah/Maktab**.
17. Borang Penyertaan berserta foto-foto hendaklah dihantar **ke Urusetia Pertandingan, Pusat Promosi Kesihatan**, tidak lewat pada jam **4.00 petang, Khamis 14hb April 2011**.
18. Dengan mengisi dan menandatangani borang penyertaan ini bermakna peserta akan patuh dengan syarat-syarat yang telah dikenakan.
19. Keputusan hakim adalah muktamat dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.

BORANG PENYERTAAN PERADUAN FOTOGRAFI CARA HIDUP SIHAT

Sila tulis dengan jelas pada setiap keterangan di dalam borang ini.

NAMA: _____

ALAMAT : _____

UMUR : _____ tahun No K/P : _____ (Kuning / Merah/Hijau)

E-mail : _____

No TEL : _____ (HP); _____ (Rumah); _____ (Pejabat)

TANDAKAN PADA KATEGORI YANG DISERTAI:

1. Kategori 'A'

2. Kategori 'B'

Cop Sekolah/Maktab

Pengesahan Pengetua Sekolah/Maktab

Saya mengesahkan bahawa peserta ini adalah penuntut Sekolah/Maktab _____

Tandatangan : _____

NAMA : _____ JAWATAN : _____

Saya yang bertandatangan di bawah dengan ini mengaku bahawa semua penyertaan ini adalah hasil kerja saya sendiri dan semua keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan : _____ Tarikh penyertaan diterima: _____

Tarikh : _____

(diisikan oleh peserta)	Untuk kegunaan Penganjur			
Bil.	Tajuk Foto	Kod penyertaan (bagi kegunaan rasmi)	Markah	Kedudukan
1				
2				
3				
4				